

**Mesyuarat Majlis Raja-raja Ke-229 Bincang Isu Pertahanan Dan Keselamatan Negara
Bernama
28 Jun, 2012**

KUALA LUMPUR, 28 Jun (Bernama) -- Mesyuarat Majlis Raja-Raja ke-229 di Istana Negara di sini Khamis diberi taklimat terkini mengenai isu pertahanan dan keselamatan negara.

Taklimat mengenai pertahanan negara disampaikan oleh Panglima Angkatan Tentera Jeneral Tan Sri Zulkifeli Mohd Zin dan taklimat mengenai keselamatan disampaikan oleh Ketua Polis Negara Tan Sri Ismail Omar, kata Penyimpan Mohor Besar Raja-Raja Datuk Syed Danial Syed Ahmad, dalam satu kenyataan.

Beliau berkata Majlis Raja-Raja juga membincangkan mengenai agama Islam dan beberapa pelantikan termasuk pelantikan hakim-hakim Mahkamah Rayuan.

Mesyuarat Majlis Raja-Raja selama dua hari yang berakhir hari ini dipengerusikan Yang Dipertuan Besar Negeri Sembilan Tunku Mukhriz Tuanku Munawir.

Yang di-Pertuan Agong Tuanku Abdul Halim Mu'adzam Shah turut berangkat menghadiri mesyuarat tersebut dengan diiringi Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak.

Mesyuarat tersebut dihadiri semua raja-raja Melayu kecuali Kedah dan Pahang di mana Kedah diwakili Pengerusi Jemaah Pemangku Sultan Kedah Tan Sri Tunku Annuar Sultan Badlishah, dan Pahang oleh Tengku Mahkota Tengku Abdullah Sultan Ahmad Shah.

Raja-raja Melayu diiringi oleh menteri besar masing-masing, manakala Yang Dipertua Negeri Pulau Pinang, Melaka, Sabah dan Sarawak diiringi ketua menteri masing-masing.

-- BERNAMA

Hak Cipta Terpelihara © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=676592>